

**Ketua Pembangkang cuba babitkan Muhyiddin  
Utusan Online  
11 Jun, 2012**

KULAI JAYA 10 Jun - Tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba mengheret Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung dakwaan pemilikan 20 akaun induk membabitkan aset, saham dan wang bernilai RM3 bilion yang dihadapi oleh Ketua Pembangkang berkenaan adalah tidak relevan.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, ini kerana dakwaan yang didedahkan oleh bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid adalah terhadap Anwar dan bukannya ke atas Timbalan Perdana Menteri.

"Anwar tidak boleh mengelak dan memberi alasan akan mendedahkan akaun tersebut sekiranya Tan Sri Muhyiddin membuat perkara yang sama kerana itu bukan isunya.

"Kalau betul kata hendak wujudkan pentadbiran yang telus, apa salahnya betul dedahkan akaun miliknya kerana rakyat juga mahu tahu kebenaran dakwaan tersebut," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah perumahan di Taman Impian Senai, di sini hari ini.

Mingguan Malaysia hari ini melaporkan Muhyiddin mengusulkan Anwar agar memberi penjelasan mengenai dakwaan pemilikan 20 akaun induk membabitkan aset, saham dan wang bernilai RM3 bilion seperti terkandung dalam akuan berkanun bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid pada 13 tahun lepas.

Anwar dalam laporan di sebuah laman portal pembangkang pula memberitahu hanya akan mendedahkan akaun miliknya jika Muhyiddin melakukan perkara sama.

Mohd. Puad yang juga Timbalan Menteri Pelajaran berkata, pihak berkuasa khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menyiasat dakwaan tersebut memandangkan RM3 bilion merupakan satu jumlah yang besar.

"Kita mahu tahu dari mana datangnya duit tersebut kerana dia (Anwar) bukan ahli perniagaan. Jadi dari mana datangnya duit itu? Apakah duit itu hasil daripada kroni atau sumber asing?.

"Justeru, Anwar secara *gentleman* harus mendedahkan akaun beliau dan pihak berkuasa harus menggunakan perundangan sedia ada untuk menjalankan siasatan berkenaan," katanya lagi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0611&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_24.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0611&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_24.htm)